

Perniagaan Tanpa Rasuah

Suraiya Ishak

Pensyarah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Rasuah ditakrifkan sebagai sebarang bentuk pemberian dengan niat tertentu yang dikaitkan dengan sesuatu yang dihajati oleh kedua-dua belah pihak dalam posisi menang-menang atau sama-sama mendapat faedah. Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) memberikan takrif terperinci mengenai rasuah. Takrifan tersebut mencakupi segala bentuk pemberian, seperti wang, derma, pinjaman, hadiah, jawatan, pekerjaan atau janji pekerjaan. Malah, bayaran untuk penyelesaian atau pelepasan apa-apa obligasi, pinjaman atau liabiliti, dan perlindungan daripada penalti yang bertanggung ke atas individu juga berpotensi ditakrifkan sebagai rasuah. Rasuah bersifat jenayah halus kerana melibatkan persoalan niat di balik pemberian. Niat tersebut hanya diketahui oleh individu yang terlibat sahaja, iaitu perasuah dan penerima rasuah.



Kecintaan berlebihan terhadap perkara duniawi menyebabkan manusia terpedaya dan sanggup berbuat apa-apa sahaja demi memperoleh nikmat yang diidamkan. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Hadid* ayat 20 yang bermaksud, “Ketahuilah bahawa kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa) semata-mata permainan dan hiburan yang melalaikan, serta perhiasan yang bertujuan bermegah-megah antara kamu, serta berlumba-lumba memperbanyak harta benda dan anak pinak. Dan ingatlah bahawa kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya.”

Sektor perniagaan tidak terkecuali daripada dihindangi oleh gejala rasuah. Lazimnya, rasuah dianggap sebagai pelincir yang dapat mempercepat dan memudahkan urusan perniagaan. Ada ketikanya rasuah menjadi sebahagian “tatacara” dan “peraturan” tidak formal yang harus dipatuhi sekiranya mahu mengurus sesuatu perkara atau proses. Mungkin ada yang kurang selesa dengan pandangan tersebut, namun itulah hakikat dalam dunia perniagaan. Rasuah dioperasi dalam pelbagai bentuk, seperti pemberian wang tunai, tajaan percutian, tajaan pakej umrah, pemberian barangan mewah, dan apa-apa sahaja yang menjadi kesukaan individu sasaran.

Ancaman rasuah berpotensi wujud dalam beberapa proses perniagaan yang kritikal seperti peringkat pemerolehan peluang atau projek perniagaan. Amalan rasuah menyebabkan persaingan sihat dan sempurna tidak berfungsi, keputusan yang berat sebelah, dan ketidakpastian sesuatu perniagaan. Akhirnya, sesuatu peluang perniagaan dibolot oleh firma atau individu yang tidak layak. Sebagai contoh, tender projek tidak diberikan mengikut merit keupayaan kontraktor, sebaliknya disebabkan elemen hadiah atau imbuhan yang diterima oleh pihak yang berkenaan.

Kawal selia terhadap perniagaan sering kali melibatkan mekanisme kelulusan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan. Pelbagai bentuk kelulusan dijadikan syarat bagi menjamin pematuhan prosedur atau garis panduan penting yang ditetapkan. Rasuah berpotensi berlaku apabila wujudnya kekangan, seperti tempoh masa kelulusan yang panjang, kesuntukan masa, atau peraturan birokrasi berlebihan. Dalam situasi tersebut, suatu perniagaan mula mencari jalan keluar bagi meminimumkan kos hangus dan kos melepas disebabkan tempoh menunggu kelulusan yang lama. Maka itu, sogokan

diberikan dengan harapan proses kelulusan disegerakan tanpa perlu mematuhi syarat ketat yang ditetapkan.

Rasuah dalam perniagaan boleh memberikan pelbagai kesan negatif dan memudaratkan masyarakat, seperti berlakunya penipuan dan ketidakadilan ketika membuat keputusan. Elemen berat sebelah menyebabkan keputusan bagi sesuatu peluang perniagaan tidak dibuat berdasarkan keupayaan dan kredibiliti. Natijahnya, suatu projek tidak mencapai spesifikasi yang diharapkan.

Perbelanjaan kos merasuah bersifat hangus kerana tidak memberikan sebarang nilai tambah terhadap aspek kualiti produk atau perkhidmatan. Hal ini merupakan satu bentuk ketidakcekapan dan pembaziran ke atas sumber perniagaan. Para peniaga sudah pasti akan memindahkan kos sogokan kepada pengguna akhir sebagai sebahagian komponen harga produk atau perkhidmatan. Hal ini merupakan penganiayaan kepada pelanggan kerana membayar harga yang tinggi untuk sesuatu yang rendah kualitinya.

Rasuah dalam perniagaan juga menjejaskan mekanisme pasaran semula jadi. Pasaran yang diganggu oleh rasuah menyebabkan tidak wujud situasi persaingan yang sihat. Peluang perniagaan sentiasa diperoleh oleh pihak yang mampu menyogok. Lama-kelamaan keadaan itu membentuk suasana monopoli dalam pasaran sehingga pasaran tidak lagi menarik disebabkan tahap ketidakpastian dan pendedahan risiko perniagaan yang sangat tinggi.

Kesan rasuah yang melibatkan entiti korporat yang besar lebih membimbangkan. Pengaruh rasuah korporat mampu memberikan tekanan yang mungkin mempengaruhi polisi sesebuah organisasi. Akibat daripada “hadiah” yang mempunyai tujuan tersirat, sesuatu polisi dibentuk dalam acuan yang menguntungkan atau menjaga kepentingan pihak tertentu. Pemberian dana oleh entiti korporat kepada parti politik juga berpotensi mencetuskan isu rasuah dengan kesan yang lebih memudaratkan. Rasuah dapat menyekat kebebasan bertindak dalam hal ehwal pemerintahan negara terutama apabila pihak berkenaan menguasai pemerintahan negara. Sebagai contoh, kejatuhan syarikat tenaga utama di Amerika Syarikat, iaitu Enron suatu ketika dahulu, telah mendedahkan fakta tentang sumbangan dana yang besar untuk membiayai kempen politik presiden

George W. Bush. Sokongan tersebut bertujuan untuk melobi inisiatif berkaitan dengan peningkatan tahap deregulasi industri tenaga selari dengan agenda kepimpinan tertinggi Enron.

Sememangnya, rasuah mendatangkan pelbagai kesan buruk yang memudaratkan masyarakat. Sebagai agama yang menjamin kesejahteraan dan keadilan semua pihak, Islam melarang tegas perbuatan rasuah. Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberikan rasuah) kepada hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).” (*Surah al-Baqarah* 2:188).

Larangan tersebut bukan hanya terbatas kepada tindakan langsung, seperti mencuri, menyamun atau melakukan penipuan. Sebaliknya, turut merangkumi larangan mengambil hak orang lain secara tidak langsung, iaitu melalui jalan rasuah. Rasuah menyebabkan sesuatu harta atau peluang perniagaan yang sepatutnya menjadi hak individu yang layak, terlepas kepada individu yang tidak sepatutnya. Natijahnya, segala peluang dan keistimewaan hanya akan berlegar dalam penguasaan individu yang memiliki kuasa memberikan sogokan.

Islam tegas menuntut golongan peniaga mengamalkan kejujuran dan tindakan yang benar

dalam setiap urusan niaga. Hal ini sejajar dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, “Pedagang-pedagang akan dibangkitkan pada hari kiamat sebagai orang yang melakukan kejahatan, kecuali orang yang takut kepada Allah, jujur dan bercakap benar.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi).

Kejujuran dan bercakap benar merupakan dua akhlak yang dapat menghindarkan gejala rasuah secara semula jadi. Individu yang jujur terdorong melakukan perkara yang betul dan mengelakkan sebarang perkara yang menyeleweng. Bercakap benar menyebabkan individu sentiasa bersedia untuk memikul akauntabiliti pada setiap tindakannya. Perasaan takut akan Allah pula menghasilkan motivasi untuk seseorang konsisten memilih tindakan yang betul, tidak kira sama ada diketahui oleh orang lain ataupun tidak.

Islam hadir memberikan panduan hidup yang syumul kepada manusia. Peraturan hidup disusun seiring dengan fitrah rohani dan jasmani manusia. Oleh itu, komuniti perniagaan Muslim harus kembali kepada panduan Islam bagi membudayakan suasana perniagaan tanpa rasuah. Namun begitu, usaha untuk melazimkan perkara yang betul dalam konteks persekitaran yang penuh dengan cabaran bukan sesuatu yang mudah dan boleh berlaku sekelip mata. Penglibatan semua pihak amat diperlukan bagi melahirkan norma baharu dalam konteks semasa.



Institusi keluarga perlu berperanan menyemai akhlak mulia dan perasaan benci akan rasuah kerana institusi keluarga ialah kem taadib pertama yang dilalui oleh individu sebelum dewasa. Corak asuhan ibu bapa dapat mempengaruhi pembentukan karakter dan akhlak anak-anak. Umpamanya, budaya memberikan ganjaran kepada anak perlu diawasi agar tidak sesekali melazimkan norma yang seakan-akan ciri rasuah. Amalan menawarkan sesuatu imbuhan bernilai sebagai umpan secara kerap boleh disalah tafsir oleh anak-anak sebagai strategi normal bagi mendapatkan sesuatu yang dihajati.

Di samping itu, sistem pendidikan juga mempunyai peranan penting untuk membudayakan sikap antirasuah dalam masyarakat. Sistem pendidikan tidak harus memfokuskan kepada IQ semata-mata, sebaliknya perlu memberikan penekanan seimbang terhadap pembentukan moral pelajar.

Bagi individu yang lebih dewasa, peringatan untuk menghindari perbuatan rasuah harus diberikan secara berterusan. Sebagai contoh, Kempen 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawtim dan Jangan Settle) oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan usaha yang baik untuk menyedarkan seluruh ahli masyarakat tentang peranan individu dalam usaha membanteras rasuah. Rasuah melibatkan persetujuan bersama oleh pihak yang berkepentingan. Hal ini bermaksud, sekiranya

tiada permintaan untuk sebarang bentuk rasuah, sudah pasti ruang untuk “memberi” tertutup rapat.

Kadangkala rasuah dalam perniagaan berlaku disebabkan kelemahan sesuatu prosedur urusan. Umpamanya, proses kelulusan yang mengambil masa terlalu lama atau birokrasi keterlaluan menyebabkan gangguan dan kesusahan dalam operasi perniagaan. Sehubungan dengan itu, prosedur kritikal itu perlu dinilai semula agar menjadi lebih ringkas, pantas dan tidak menyusahkan. Sesuatu prosedur sudah pasti diwujudkan bagi menjaga kepentingan semua pihak. Namun begitu, sekiranya prosedur itu pula bertukar sifat menjadi punca dan ruang berleluasanya perbuatan rasuah, maka hal tersebut perlu dinilai semula dengan mengambil kira pertimbangan kos dan faedahnya.

Langkah memperkenalkan Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) merupakan usaha baik untuk membudayakan persekitaran perniagaan yang bersih rasuah. Melalui sistem ini, syarikat korporat secara sukarela menandatangani Ikrar Integriti (CIP) sebagai pengisytiharan satu pihak untuk menentang rasuah. Kemudian, syarikat korporat akan melaksanakan sistem integriti bagi merealisasikan komitmen integriti yang diikrarkan. Penambahbaikan sistem pemerolehan ke arah yang lebih telus seperti e-tender atau e-Perolehan juga mampu menyekat penularan gejala rasuah dalam perniagaan.

Kemuncak penyelesaian bagi menangani isu rasuah dalam komuniti Muslim adalah dengan kembali menghayati fitrah sebagai umat terbaik seperti firman Allah SWT yang bermaksud, “Kamu (wahai umat Muhammad) sebaik-baik umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)” (*Surah Ali ‘Imran* 3:110).

Oleh hal yang demikian, setiap individu Muslim harus sentiasa ingat dan takut kepada balasan bagi setiap perbuatan seperti ditegaskan dalam *Surah al-Mu’minun* ayat 102-103 yang bermaksud, “Maka sesiapa yang berat timbangan amal baiknya, mereka itulah orang yang berjaya. Dan sesiapa yang ringan timbangan amal baiknya, merekalah orang yang merugikan dirinya sendiri; mereka kekal di dalam neraka Jahanam.” Maka itu, ketakwaan kepada Allah SWT merupakan mekanisme semula jadi terbaik untuk membendung gejala rasuah dalam komuniti perniagaan Muslim yang harus dipupuk secara berterusan bermula dari peringkat awal kehidupan setiap Muslim. **DTI**

“Peraturan hidup disusun seiring dengan fitrah rohani dan jasmani manusia. Oleh itu, komuniti perniagaan Muslim harus kembali kepada panduan Islam bagi membudayakan suasana perniagaan tanpa rasuah.”